

**Najib hadir sidang APEC bulan depan**  
**Utusan Online**  
**October 25, 2011**

PEKAN 24 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan menghadiri Sidang Kemuncak Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Hawaii, Amerika Syarikat (AS) pada November ini.

Duta Besar Malaysia ke AS, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis berkata, AS akan menjadi tuan rumah untuk APEC kali ini dan Presidennya, Barack Obama sendiri akan mempengerusikan mesyuarat itu nanti.

"Kita sekarang masih dalam tempoh untuk menyusun dan memuktamadkan program Perdana Menteri di sidang APEC itu nanti.

"Saya sendiri sedang berbincang dengan pihak Wisma Putra mengenai program itu dan apabila dipersetujui oleh Perdana Menteri, saya akan maklumkan kepada pihak media kemudian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas majlis Istiadat Pengurniaan Darjah-darjah Kebesaran Negeri Pahang Sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-81 Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah di Istana Abu Bakar, di sini hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1025&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_14.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1025&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_14.htm)